قليتا بروني
# Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU
TAHUN 30 BILANGAN 33 | RABU 14 OGOS, 1985. | 1405 رابو 27 ذولقعده | PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika melawat makmal sains Sekolah Menengah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.

## KEBERANGKATAN KEBAWAH DYMM KE DAERAH TUTONG

Oleh: Zubaidah HS dan Haniza Abdullah

PEKAN TUTONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat bercemarduli melawat ke Daerah Tutong pada hari Selasa 6 Ogos yang lalu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah dialu-alukan oleh beribu-ribu penduduk dari berbagai peringkat di Daerah Tutong apabila pesawat yang membawa Baginda mendarat di Padang Sekolah Rendah Kerajaan Muda Hashim di sini.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke daerah tersebut terlebih dahulu dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan, Pegawai Daerah Tutong Awang Abd. Aziz bin Mohammad dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang lain di daerah itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan seterusnya dijunjung oleh Pegawai Daerah yang juga selaku Pengerusi Tertinggi Jawatankuasa Sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan yang ke-39 tahun bagi Daerah Tutong bagi melawat 12 buah pejabat-pejabat kerajaan di Bangunan Pejabat Daerah.

Di sepanjang lawatan Baginda ke pejabat-pejabat kerajaan itu, Baginda Yang Dipertuan telah diperkenalkan kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab melicinkan pentadbiran dalam satu-satu jabatan tersebut.

Lihat muka 16

## KESEDARAN DAN PEGANGAN BERUGAMA TELAH MENEGUHKAN NEGARA

### — Pengarah Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN — Kesedaran berugama di kalangan rakyat terbanyak di negara ini telah memberi sumbangan yang besar pada mengetarakan lagi sifat Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Demikian yang dinyatakan oleh Pengarah Penerangan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dalam perjumpaan dengan sekumpulan penuntut Brunei Darussalam yang belajar di Mesir yang telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada hari Isnin lalu.

Dalam aspek yang lain, menurut Yang Dimuliakan Pehin, kesedaran berugama dan fahaman keislaman telah memberikan rakyat sesuatu pandangan hidup yang jelas serta pegangan yang kukuh dengan mencintai tanahair, mentaati raja dan menyukai keamanan serta perkara kebajikan.

Pengarah Penerangan menyebutkan dua contoh tentang pengaruh keugamaan dan kesannya kepada kefahaman negara ini. Penentangan terhadap percubaan Sepanyol untuk menakluki Brunei dalam abad ke-16 dahulu adalah dengan berlandaskan semangat jihad melawan tentera kafir. Kedua ialah pemulihan keadaan berikutan kejadian pemberontakan tahun 1962 adalah berkat rakyat yang sedia mempunyai pegangan keugamaan telah dapat digembeling untuk berkerjasama menerusi seruan-seruan keugamaan. "Akibat peristiwa tersebut di mana waktu itu hubungan antara rakyat dan kerajaan terjejas, rakyat sesama sendiri berkeadaan curiga-mencurigai keselamatan dan

Lihat muka 2

## Kebawah DYMM berangkat ke Daerah Belait

Oleh Ahat Ismail

KUALA BELAIT. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat bercemar duli ke Daerah Belait Sabtu lepas.

Mengiringi keberangkatan Baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Baginda dengan memandu pesawat helikopter peribadi Baginda sendiri, mendarat di Padang Kelab Ria Kuala Belait di sini dan seterusnya dijunjung oleh Pegawai Daerah Belait Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin.

### ISTIADAT PERASMIAN

Dari Padang Kelab Ria Kuala Belait, Baginda berangkat ke bangunan baru jabatan-jabatan kerajaan daerah tersebut bagi menyempurnakan istiadat perasmian bangunan tersebut.

Sebaik-baik saja selesai istiadat perasmian bangunan itu doa selamat telah

Lihat muka 16

## Bangunan baru dibuka rasmi

KUALA BELAIT. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyempurnakan perasmian bangunan baru jabatan-jabatan kerajaan Kuala Belait pada hari Sabtu lepas.

Keberangkatan tiba Baginda dijunjung oleh Pegawai Daerah Belait Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin, di mana sepanjang jalan yang dilalui menuju ke bangunan baru itu beratus-ratus orang murid-murid sekolah serta pasukan hadrah berbaris mengalu-alukan keberangkatan Baginda.

Selepas istiadat merasmikan bangunan tersebut Baginda seterusnya dijunjung untuk melawat jabatan-jabatan yang terdapat di situ.

Kawasan pertama yang Baginda kunjungi ialah Dewan Raya Pejabat Daerah Belait yang mana di sini Baginda berkenan menyaksikan Pameran Seni Foto sempena hari puja usia

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika membuka rasmi bangunan baru jabatan-jabatan Kerajaan di Daerah Belait.

### MANISNYA IMAN

"CELAKALAH bagi orang-orang yang mempermainkan timbangan, apabila menyukat untuk dirinya dari orang lain dipenuhkannya dan apabila menyukat untuk orang lain dikurangkannya. Tidakkah mereka menyangka yang mereka akan dibangkitkan di hari yang besar kelak, di hari manusia berdiri menghadapi Tuhan. — Makna ayat 1 — 6 Surah Al-Muthaffifin.

Pelita Brunei

14 OGOS, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM TSUKUBA EXPO 85: SUATU KEJAYAAN

PENYERTAAN Negara Brunei Darussalam dalam Eksposisi Antarabangsa yang diadakan di Bandar Raya Tsukuba, Jepun yang bermula pada pertengahan bulan Mac yang lalu telah berjaya menarik minat lebih satu juta orang mengunjungi Balai Pameran Brunei. Eksposisi yang akan berakhir pada 16 September bulan depan telah juga disertai oleh 47 buah negara, jadi keupayaan kita menarik minat lebih satu juta orang pengunjung ke Balai Pameran Brunei adalah satu kejayaan yang menggalakkan.

Kejayaan kita dalam mendedahkan negara kita yang cuma berpenduduk kecil sejumlah 2200,000 orang melalui pameran gambar-gambar dan lain-lainnya di Balai Pameran Brunei menjelaskan tentang ciri-ciri keBruneian dalam konsep bernegara serta cara-cara kehidupan kita yang mengandungi bersama kebudayaan turun-temurun di samping kesediaan kita dalam menerapkan cara-cara moden yang bersesuaian dalam memantapkan lagi pelbagai kemajuan negara.

Pameran yang bertaraf antarabangsa ini adalah julung kali negara kita menyertainya, walaupun sebelum itu kita telah pernah menyertai beberapa pameran di luar negeri tapi cuma setakat serantau. Jadi, penglibatan kita kali ini lebih meluas yang bukan sahaja ditujukan untuk masyarakat Jepun malah kepada masyarakat antarabangsa yang sejauh ini Tsukuba Expo 85 telah dikunjungi oleh lebih 12 juta. 10 peratus dari jumlah pengunjung ini telah berkesempatan melawat ke Balai Pameran Brunei yang antaranya mengandungi gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, gambar-gambar sejarah, kebudayaan, Kampong Ayer, kehidupan harian serta lain-lainnya yang berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan negara kita di samping pameran perusahaan carigali minyak, hasil pertukangan perak dan hasil kerjatangan orang-orang Brunei.

Para pengunjung dari kalangan masyarakat antarabangsa telah juga berpeluang melihat filem dokumentari sekitar Pemasyhuran Kemerdekaan, kegiatan-kegiatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Adat Istiadat perkahwinan orang-orang Brunei, perusahaan carigali minyak, Pelabuhan Air Dalam Muara, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei serta kegiatan-kegiatan sukan. Dengan cara ini masyarakat antarabangsa akan lebih memahami tentang kita yang bukan saja dikenali kerana perusahaan minyak dan gas cecair asli malah dihormati serti disegani sebagai suatu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sepenuhnya dalam sebuah negara, satu-satunya negara di dunia ini — yang mempunyai konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja.

Pemahaman tentang negara kita ini bukan saja melalui pameran-pameran dan filem dokumentari yang diputarkan di Balai Pameran Brunei tetapi juga persembahan kebudayaan oleh rombongan kebudayaan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Persembahan yang mengandungi 12 acara — enam buah tarian, tiga nyanyian, pencak silat dan permainan gurinding telah dipersembahkan di Expo Plaza pada 19 Julai yang ditontoni oleh lebih 2.000 orang. Persembahan kebudayaan kita telah banyak mempersonakan para penonton kerana kemurnian identiti keBruneian kita yang tetap terpelihara dari dahulu lagi hingga sekarang.

Penyertaan serupa ini antaranya telah dapat meningkatkan persefahaman antara kita dengan masyarakat Jepun khasnya bahkan telah menyemaikan bibit pensesuaian di kalangan masyarakat antarabangsa yang telah berpeluang mengenal kita melalui pameran, filem dokumentari dan persembahan kebudayaan kerana seseorang hanya akan tambah mengerti serta menghormati setelah ia mengenali sesuatu itu secara tepat, meluas dan bijak.

Kita berkeyakinan masyarakat luar akan mengenali kita secara jelas bukan sewenang-wenangnya membuat tafsiran dalam keadaan teraba-raba baik oleh kerana sikap senghaja tidak mahu memahami mahupun kerana prasangka yang bukan-bukan, jadi sesungguhnya penyertaan kita dalam Eksposisi Antarabangsa di Tsukuba ini hendaklah dimanfaatkan oleh semua pihak dengan sebaik-baiknya.

# Orang-orang bukan Islam tidak harus mencurigai usaha K'jaan mengembangkan Islam

Dari muka 1

keutuhan negara terancam tetapi keadaan telah dipulihkan dalam masa yang singkat oleh dorongan-dorongan kesedaran berugama bahkan dengan pegangan yang sedia tertanam di kalangan rakyat dan pemimpin-pemimpin negara maka kerajaan dan rakyat sama-sama mewujudkan semangat berkerjasama yang rapat dan seterusnya fahaman untuk membawa negara ke arah kemantapan politik serta kemajuan pembangunan seperti yang dinikmati sehingga sekarang," kata Pengarah Penerangan.

Dua contoh tersebut, menurut Yang Dimuliakan Pehin itu lagi telah semakin meyakinkan kita dalam menjamin ketahanan survival negara. Oleh kerana itu, Yang Dimuliakan Pehin menekankan bahawa peningkatan kepercayaan yang berterusan adalah satu amalan keislaman yang menepati erti kata cara hidup yang sebenarnya yang harus diambil kira oleh semua pihak.

Pengarah Penerangan sebelum itu telah menegaskan bahawa rancangan kerajaan dalam mengembangkan Ugama Islam rasmi semenjak tahun 50an itu telah menepati sasaran yang utama untuk menanamkan semangat kesedaran berugama di kalangan rakyat sambil mengamalkannya sebagai cara hidup.

Dalam tempoh hampir 30 tahun ini, menurutnya generasi baru di negara ini telah mendapat pelajaran ugama yang sistematik bagi membolehkan mereka menunaikan kewajipan berugama khasnya dalam bidang Fardu Ain.

Pada masa ini, katanya lagi, kesedaran serta amalan keislaman semakin meningkat yang mana berikutan daripada itu meningkat pula harapan serta jangkaan rakyat supaya rancangan-rancangan keislaman yang luas bagi menepati erti kata Islam sebagai cara hidup akan dapat dilipat gandakan.

"Dalam hubungan ini hasrat serta kesediaan bagi perlaksanaan ajaran-ajaran Islam secara yang luas itu telah pun ada. Sebahagiannya telah pun diikuti oleh usaha Kerajaan menurut keupayaan yang ada pada masa ini, kata Pengarah Penerangan selanjutnya.

"Menyedari keupayaan kita adalah terhad maka bagi perlaksanaan Islam yang luas itu, kerajaan telah pernah menyatakan hasrat untuk mendapatkan bantuan kepakaran dalam bidang-bidang keislaman dari luar negeri," katanya.

Harapan serta jangkaan yang semakin meningkat berikutan meluasnya fahaman keislaman itu, menurut Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib adalah merupakan cabaran kepada kerajaan dan cerdik pandai dalam bidang ugama untuk mengetengahkan dan melaksanakan rancangan -rancangan keislaman.

"Cabaran itu telah mendorong cerdik pandai ugama untuk menilai peranan serta sumbangan mereka pada mengesahkan lagi semangat keislaman menerusi perlaksanaan hukum-hukum Islam yang betul, tegas, Yang Dimuliakan Pehin seterusnya.

Bagaimanapun Pengarah Penerangan itu tidak menampakkan perlaksanaan hukum Islam di negara ini akan merupakan peranan satu pihak cerdik pandai ugama semata-mata, katanya.

"Sejauh mana rancangan-rancangan keislaman akan berjaya di kemukakan dan berjaya pula dilaksanakan tidaklah memadai dengan semata-mata adanya semangat keislaman yang meluap-luap tanpa pertimbangan yang wajar selaras dengan ajaran-ajaran Islam itu sendiri. Selain itu mestilah ada sokongan semua pihak dengan kesedaran bahawa kekuatan pengaruh Islam di negara ini adalah bagi kepentingan survival negara pada keseluruhannya," katanya.

Kerana itu, Yang Dimuliakan Pehin mengharapkan langkah-langkah kerajaan dalam memaju dan mengembangkan Islam di negara ini haruslah tidak dicurigai khasnya oleh orang-orang yang bukan Islam. Mereka itu, menurutnya patut memahami kedudukan Islam sebagai ugama rasmi yang mana kedudukannya yang kukuh menurut ajarannya yang sebenar adalah sangat penting bagi menjamin berbagai-bagai kepentingan di negara itu termasuk kedudukan yang wajar bagi orang-orang yang bukan Islam yang bernaung di bawah pimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai raja dan ketua ugama.



YANG Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan ketika berucap kepada penuntut-penuntut Brunei Darussalam yang belajar di Mesir, di Bilik Taklimat Jabatan Penerangan pada hari Isnin lalu. Gambar oleh Rabaee Sabli.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah ditauliahkan menjadi Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya yang juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di United Kingdom telah menyerahkan Surat Tauliahnya kepada Tuan Yang Terutama Dr. Richard von Weizsacker, Presiden Republik Persekutuan Jerman dalam bulan Jun yang lalu. Majlis tersebut telah diadakan di Villa Hammerschmidt, rumah kediaman rasmi Tuan Yang Terutama Presiden Republik Persekutuan Jerman.

Dalam majlis tersebut Tuan Yang Terutama Presiden dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Negara Brunei Darussalam mengharapkan betapa mustahaknya hubungan persahabatan diteruskan antara Negara Brunei Drussalam dan Republik Persekutuan Jerman.

Gambar atas kelihatan Tuan Yang Terutama Dr. Richard von Weizsacker berbual-bual dengan Tuan Yang Terutama Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja selepas upacara penyampaian Surat Tauliah tersebut.

## Juruteknik Ukur ikuti kursus di Sweden

BERAKAS. — Empat orang pegawai Jabatan Ukur kini berada di Sweden bagi menjalani latihan dalam bidang pengendalian komputer di Swedsurvey, Overseas Agency Of The National Land Survey of Sweden, Gavle, Sweden.

Mereka ialah Awang Zainuddin bin Haji Mohd Noor dan Awang Masri bin Haji Idris, Juruteknik Ukur Kanan, Dayang Salmahwati binti Haji Mohsin dan Dayang Haini binti Sulaiman, Juruteknik Ukur.

Pegawai-pegawai tersebut akan mengikuti kursus berkenaan selama enam hingga lapan minggu.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-289



# PUAK BATINIYYAH

## Siri keenam belas

SUATU kaum lain berkata: Bagi tiap-tiap zahir ada batinnya iaitu roh dan hakikatnya, sungguhpun begitu mereka berkata wajib beramal, memakai dan beriktikad dan beramal dengan keduanya mereka adalah ahli tasauf, kerana mereka berkata tujuan sembahyang itu dan hakikatnya ialah munajat dan hadir hati bersama-sama sembahyang dan tiap-tiap sembahyang tiada ada hadir hati, maka sembahyang itu sia-sia sahaja, firman Allah Surah Al-Furqan ayat 23 yang bermaksud: "Kami lihat apa-apa yang mereka usahakan di antara amalan, lalu Kami jadikan dia debu yang berterbangan." Sungguhpun begitu mereka berkata: "Barangsiapa meninggalkan sesuatu sunat sembahyang dan sesuatu adab-adabnya yang zahir, maka sembahyangnya itu kurang, apatah lagi jika dia meninggalkan sesuatu yang wajib, rukun dan lain-lain." Perkataan ahli tasauf ini adalah dhaif bagaimana kata ulama zahir Asy-Syara' (Ahli Feqah), kerana erti sembahyang pada syarak' adalah seperti di atas pada syarak' (percakapan-percakapan dan kelakuan-kelakuan dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam menurut syarat-syaratnya). Tetapi kamu hai orang-orang Batiniyyah mensabitkan batin dengan dalil dari akal seperti ahli falsafah dan tiada ada dalil dari syarak' (seperti ahli tasauf), jadi perkataan ahli falsafah dan ahli tasauf lebih utama dan lebih kuat dari perkataan kamu, sungguhpun begitu telah ditolak umat Islam, kerana kita apabila kita mensabitkan bahawa tiap-tiap zahir ada batinnya dengan tiada ditunjukkan oleh lafaz, atau hakikat atau majaz, maka nanti semua orang mentakwilkan firman Allah dan sabda rasul-Nya mengikut hawa nafsunya dan dengan itu nanti boleh membawa menghapuskan ugama Allah sebagaimana tujuan kamu yang ahli Batiniyyah, dari itu tiap-tiap perkataan dan tiap-tiap iktikad yang membawa kepada batil, maka batallah perkataan dan iktikad itu.

Inilah setengah cara menentang dan menolak perkataan Batiniyyah yang batil bahawa tiap-tiap zahir itu mestilah ada batinnya. (Diringkaskan sebeberapa yang munasabah dari Qawa'idu Iktikad Ali Muhammad Al-Batiniyyah).

### Corak-corak kufur puak Batiniyyah dan cawangan-cawangannya:

Berkata Ad-Dailami pengarang Kitab Qawa'idu I'tikad Ali Muhammad (Al-Batiniyyah) bahawa perkara yang menunjukkan kufur puak Batiniyyah dan cawangan-cawangannya yang berlindung di bawah berbagai-bagai nama: Isma'iliah, Buhrah, Qaramith, Durus, Tariqah Syaitaniyyah dan lain-lain nama mereka.

Kita akan kemukakan sebahagian besar rupa-rupa kufur puak Batiniyyah. Dan sebelum menerangkan satu persatu, kita menerangkan bahawa kufur kepada Allah Taala ada berbagai-bagai bahagian dan jenis iaitu.

1. Bahagian kufur dalam perkara iktikad dan kepercayaan.
2. Bahagian kufur dalam perkara perkataan dan percakapan.
3. Bahagian kufur dalam perkara perbuatan dan kelakuan.

Begitu juga bahawa iman kepada Allah dan Rasul-Nya Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada tiga bahagian iaitu iman perkara iktikad, percakapan dan perkara perbuatan.

Bila hasil satu dari bahagian atau jenis kufur, maka sudah cukup menghukumkan kufur ke atas orang yang melakukan satu jenis dari tiga jenis kufur. Dan jika kiranya berhimpun tiga perkara itu maka lebih-lebih nyata kufur orang yang melakukan kufur itu.

Apabila telah sabit perkara itu, maka menunjukkan kufur puak Batiniyyah dalam tiga perkara itu iaitu dalam iktikad, percakapan dan perbuatan, maka kufur puak Batiniyyah dengan berbagai-bagai nama dan gelarannya dan berbagai-bagai kegiatan dan ancumannya, ialah sekufur-kufur manusia yang kafir, yang bekerja merobohkan ajaran-ajaran Allah dan ugama Islam. Kerana kufur mereka terjadi dari iktikad, dari percakapan dan perbuatan.

1. Rupa corak kufur mereka yang pertama: Menunjukkan di atas kufur mereka ialah ilmu dharuri (ilmu yakin) kerana kita ketahui bahawa tiap-tiap orang Islam, apabila ia mendengar kata-kata mereka dalam iktikad seperti kata mereka dalam perkara Tuhan yang menjadikan alam ialah As-Sabiq dan At-Tali dan lain-lain seperti akal sepuluh begitu dalam perkara kenabian dan mukjizat, begitulah juga kata mereka pada malaikat, pada kitab-kitab Allah, dan pada kembali manusia kepada Allah pada hari kiamat dan pada pemimpin-pemimpin mereka (Al-Aimmah), begitu kata-kata mereka pada perkara-perkara takwil, dan batin, dan lain-lain yang telah kita sebutkan dan akan sebutkan, nescaya orang Islam engkarkan sekeras-kerasnya dan ia berlepas daripada mereka dan ia tahu mereka telah menyalahi akan ugama Islam dengan ilmu dharuri atau akal dharuri dan mereka keluar dari ugama Islam dengan sekali imbas pada pandangan fikiran dan akal.

Atau dengan ibarat yang lain di atas kufur mereka, bahawa telah diketahui dengan ilmu dharuri dari perkara-perkara mazhab mereka bahawa mazhab mereka menyalahi ugama Islam dan barangsiapa beramal dan memakai perkara-perkara mazhab mereka adalah ia kafir.

2. Corak kufur mereka kedua: Dengan dalil ijma' umat Islam di atas kufur mereka, tuan tiadalah lihat akan seseorang kufur daripada ulama Islam, sama ada di barat atau di timur, yang melihat akan kufur mereka, melainkan ia berkata dengan tiada teragak-agak bahawa mereka orang kufur, dalil ijma' adalah sekuat-kuat dalil naqli.

3. Corak kufur mereka ketiga: Setengah dari dalil menunjukkan kufur mereka dalam perkara iktikad mereka pada Allah Taala, pada sifat Allah dan pada nama-nama Allah.

1. Mereka menafikan Allah menjadikan alam ini, kerana mereka beriktikad alam ini qadim, kiranya alam ini qadim maka tiadalah ada Tuhan menjadikannya.

2. Mereka berkata Allah tiada bersifat dengan nafi dan ithbat yakni Allah Taala tiada dikatakan ia maujud atau ma'dum. Tujuan mereka perkataan begitu hendaklah menafikan ada Allah Taala menjadikan alam ini dan mereka berselindung dengan perkataan itu kerana mengelirukan orang awam Islam.

3. Mereka berkata ada dua Tuhan bernama As-Sabiq dan At-Tali bahkan mereka berkata ada banyak Tuhan iaitu Al-Uqulul-'Asyarah (akal sepuluh).

4. Corak kufur mereka keempat: Setengah dari dalil kufur mereka bahawa iktikad mereka pada malaikat tiada menurut jalan syara', kerana mereka berkata: Malaikat itu ialah roh yang sulit yang halus, yang simpal dan bukan mereka ada jisim. Dengan jalan erti begitu, mereka menafikan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melihat akan Sayidina Jibril Alaihis-Salam, kerana kata mereka Jibril suatu jenis roh yang sulit halus bukan jisim.

Mereka berkata pada perkara membatalkan perkara malaikat ada di langit dan membatalkan ada jin di bumi itu menolong kita pada membatalkan adanya Allah dan adanya Allah menghantar malaikat kepada manusia (Nabi-Nabi).

Kata-kata mereka yang di atas telah ditolak Allah dalam Al-Quran Surah Al-Fatir ayat 1 bermaksud: "Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: Dua, tiga dan empat."

Ayat Al-Quran ini menyatakan malaikat-malaikat itu mempunyai sayap dan erti sayap itu mestilah ia suatu perkara yang kathif (tebal) boleh dilihat (bukan roh yang halus). Telah maklum maka barangsiapa menolak suatu ayat dari Al-Quran atau sesuatu yang diketahui sabit adanya dalam ugama Islam nescaya ia telah kufurkan ugama Islam.

Corak kufur mereka kelima: Setengah dari kufur mereka perkara Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul, kerana mereka engkarkan adanya kenabian dan engkarkan adanya mukjizat, sebagaimana telah lalu sebutannya dan mereka engkarkan bahawa ada wahyu Allah itu dibawa Sayidina Jibril Alaihis-Salam kepada Nabi-Nabi Alaihimus-Salam, mereka berkata Sayidina Jibril itu suatu roh yang halus tiada boleh dilihat, sebagaimana telah lalu, dan mereka mencacat dan memburuk-burukkan Nabi-Nabi Allah, terutamanya Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Mereka berkata Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu pemimpin umat yang kecewa (Al-Ummatu;-Mankusah) dan orang-orang telah bertanya kepada Nabi Muhammad akan darihal roh. Maka ia tiada dapat menjawab dan katanya dalam Surah Al-Isra' ayat 85 yang bermaksud: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja." (Ini kata-kata buruk mereka la'natullahu alaihim) seperti nabi Musa ketika ditanya oleh Firaun darihal perkara apa ia ajak dan perkara ia menyembah dengan katanya dalam Surah Asy-Syu'ara ayat 23: "Dan apakah dia Tuhan sekalian alam itu?" Maka Nabi Musa menjawab dalam Surah Asy-Syu'ara ayat 24 yang tafsirnya: "Dia ialah yang memiliki dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya."

Nabi Musa menjawab Dialah Tuhan yang menjadikan petala langit dan bumi, maka Firaun hairan dengan jawabnya yang tiada tepat itu, maka ia berkata kepada pengikut-pengikutnya: "Tiadakah kamu dengar apa yang dikatakan oleh (Nabi) Musa itu?" Kemudian Nabi Musa membawa dalil dengan silap mata dari tangannya dan mengaburkan mata orang dan lain-lain lagi caci mereka ke atas Nabi-Nabi Allah Alaihis-Salam. La'natullahu alaihim.

Corak kufur mereka keenam: Setengah dari kufur mereka maka mereka jadikan kitab-kitab Allah Taala yang diturunkan dari langit itu, percakapan Nabi-Nabi, bukan Kalamullahu Taala.

Dalil menunjukkan batil dan salah dakwaan mereka, bahawa mukjizat Nabi-Nabi Allah itu telah menunjukkan di atas benar dan betul Nabi-Nabi Allah itu dalam perkara mereka mendakwa mereka telah menjadi Nabi-Nabi Allah dan kita umat Islam telah diketahui bahawa Nabi-Nabi Allah itu telah berkhabar dan memberitahu bahawa kitab-kitab Allah itu bukan percakapan mereka dan manusia tiada dapat berbuat percakapan seperti Kalamullah itu, hanya kitab-kitab Allah itu ialah Kalamullah dan firman Allah, padahal Nabi-Nabi Allah benar mereka dalam perkhabaran dan percakapan mereka. Dan tiada boleh mereka berbuat dusta, kalau mereka berdusta dalam perkhabaran mereka, nescaya batallah segala syariat Allah.

Setengah orang Batiniyyah berdalil dengan ayat Al-Quran Surah Al-Haqqah ayat 40 yang bermaksud: "Bahawa sesungguhnya Al-Quran itu ialah (Wahyu dari Kami) yang disampaikan oleh rasul yang mulia." Dan At-Takwir ayat 19 yang bermaksud: "Sebenarnya Al-Quran itu, sungguh-sungguh Kalamullah (yang disampaikan oleh Jibril) utusan yang mulia." Dalam perkara mereka mengatakan bahawa Quran itu percakapan Rasul bukan Kamalullah Taala. Kita jawab bahawa kamu berdalil dengan ayat Al-Quran itu, adalah salah dan bodoh kerana:

1. Kamu berkata bahawa Quran itu bukan Kalamullah dan bukan firman.
2. Kamu berkata bahawa Quran boleh ditambah, ditokok dan dikurang, dibuang sebahagian daripadanya, jadi barangkali kamu berdalil dengan ayat Quran tadi itu, dari ayat Quran yang kamu telah tambah dan tokok. Kalau begitu adanya berlaku, maka dalil kamu adalah batil tiada betul dan tiada sempurna.
3. Kamu telah menyatakan bahawa ada takwil batin yang tiada sama dengan zahir jadi barangkali ayat-ayat yang kamu buat dalil itu ada faedah-faedah yang lain, yang tiada dapat kamu berbuat dalil dengannya.

Kata mereka : Bahawa Quran itu boleh ditambah dan boleh dikurangkan, kata seperti itu adalah sangat-sangat batil dan salah, sebagaimana telah lalu, kerana bila diperiksa dan dihaluskan bahawa mazhab Batiniyyah itu mengajak manusia supaya membuang perkara-perkara yang wajib dan mengajak orang mengerjakan segala larangan dan tegahan Allah Taala. Keterangannya itu bahawa harus dan boleh jadi perkara wajib sembahyang, wajib puasa, dan lain-lain perkara-perkara wajib termasuk di bawah ayat-ayat yang ditambah dan ditokok itu, (mengikut pendapat kamu) dari itu tiadalah wajib menjalankan perkara-perkara yang wajib dan fardu itu, dan dari itu begitu juga tiada wajib menjauhi perkara tegahan dan larangan Allah itu seperti zina, minum arak dan lain-lain perkara haram, kerana barangkali larangan-larangan itu termasuk dalam perintah ayat-ayat yang ditambah dan ditokok itu, dan ayat yang ditambah dan dikurang itu bukan Quran, tiada dapat dibuat dalil, dan dari itu tiadalah wajib menjauhi larangan-larangan Allah itu, maka ini semuanya membawa tiada ada taklif, tiada ada perintah Allah, dan tiada ada larangan-Nya sama sekali, maka itulah namanya kufur yang nyata dan ilhad dan menyeleweng dari ugama yang terang. Dan itulah tujuan orang-orang Batiniyyah dan matlamat mereka.

7. Corak kufur mereka ketujuh: Setengah dari perkara menunjukkan kufur mereka ialah iktikad dan kepercayaan mereka pada imam-imam dan pemimpin-pemimpin mereka, menyalahi dan bertentang dengan ugama Islam, dan berlawan dengan akal yang siuman, seperti kata mereka: Sayidina Ali itu menghidupkan, dan mematikan, dan ia memberi rezeki begitu juga kata mereka pada lain-lain imam-imam ada bersifat menghidupkan, dan memati dan lain-lain sifat Allah diletakkan kepada imam-imam mereka.

Mereka beriktikad bahawa tiap-tiap imam mereka, apabila bercerai rohnya yang juziyyah dan berhimpun dengan alam yang tinggi (Al-'Alamul-A'ala), maka ia naik ke pangkat yang kesepuluh, yang mentadbirkan alam dunia ini dan dia bersifat mentadbir, menghidup, memati dan memberi rezeki dan Allah Taala mendustakan mereka dalam firman-Nya dalam Surah Ar-Rum ayat 40 yang bermaksud : "Allah jualah yang menciptakan kamu: Kemudian Ia memberi rezeki kepada kamu; sesudah itu Ia mematikan kamu; kemudian Ia menghidupkan kamu semula." Tafsirnya: Allah Taala menjadikan, memberi rezeki, memati dan menghidupkan kamu. Mereka berkata : Bahawa Muhammad bin Ismail itu Nabi, dengan ia memansuhkan syariat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihis-Salam, sebagaimana telah lalu, dan Allah Taala telah mendustakan dakwaan dalam firman-Nya dalam Surah Al-Akhzab ayat 40 yang bermaksud: "Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasulullah dan kesudahan segala Nabi-Nabi."

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

# SIFAT BIMBANG DAN RAGU BAWA KEMUNDURAN MASYARAKAT KITA




BERTAKWALAH ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Salah satu sifat jiwa yang merosakkan kehidupan kita ialah bimbang dan ragu-ragu. Ianya kerapkali hinggap dan melekat di dalam jiwa seseorang tatkala menghadapi sesuatu usaha atau perjuangan. Pada dasarnya sifat bimbang itu timbul kerana perasaan cemas dan takut terhadap sesuatu hal yang dianggap merugikan dan membahayakan padahal bahaya itu belum pasti akan datang atau menimpa. Sebab-sebab timbul demikian ialah kerana kurang kepercayaan kepada diri sendiri. Contohnya memang banyak kita dapati dalam masyarakat kita misalnya dalam lapangan perniagaan, tidak ramai orang-orang kita menceburkan diri di dalamnya dan kalau ada yang menceburkan diri pun tidak ramai yang berani secara berbesar-besaran, disebabkan bimbang dan khuatir takut-takut rugi. Gejala ini telah jelas membawa kemunduran kepada masyarakat kita bahkan dapat dianggap sebagai satu penyakit yang telah lama bersarang di jiwa kita.

Kerana itu dalam setiap tindakan dan usaha kita mustahaklah dikikis perasaan bimbang dan ragu-ragu yang tidak berfaedah itu. Kalau sesuatu usaha atau tindakan yang akan dibuat itu sudah diteliti dan diperhitungkan dengan sebaik-baiknya mengapa kita masih ragu-ragu lagi untuk melaksanakannya. Memang benar kita disuruh waspada dan membuat perhitungan yang teliti dalam menghadapi sesuatu perkara jangan sampai membawa bahaya dan kecewa tetapi membuat perhitungan sehingga menggagalkan usaha pun kurang pula faedahnya kerana boleh membawa kita kepada satu kedudukan yang sukar membuat keputusan. Mengambil sesuatu keputusan atau tindakan dalam kehidupan adalah satu perkara yang penting. Adakalanya mengambil sesuatu keputusan walaupun tidak berhasil lebih baik daripada tidak bertindak sama sekali. Soal berhasil atau tidak, menang atau kalah, untung atau rugi dan lain-lain. Semuanya itu termasuk dalam hukum bangun dan jatuh yang telah menjadi hukum Allah Taala. Tetapi jangan pula terlalu gopoh membuat sesuatu keputusan dengan desakan perasaan dan semangat yang meluap-luap sahaja tanpa membuat perhitungan yang teliti dan wajar kerana yang demikian itu besar bahayanya, gagal dan kecewa juga yang akan menanti kita.

Ugama Islam menganjurkan kepada kita supaya sentiasa mempunyai pengharapan dalam kehidupan di samping meneliti dan menguasai kenyataan yang sedang dihadapi. Seorang Islam tidak boleh dikuasai oleh sikap putus asa dan patah semangat kerana yang demikian itu boleh membawa kepada kekecewaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Kerana itulah Islam melarang tindakan membunuh diri kerana membunuh diri itu menunjukkan iman itu hampir lenyap sama sekali kepada Allah seolah-olah Allah itu tidak mempunyai sifat rahim kasihan, padahal Allah itu amat luas limpah rahmat-Nya.

Firman Allah Taala dalam Surah Yusof ayat 87 yang bermaksud : "Janganlah kamu putus asa daripada kurnia Allah. Sesungguhnya tiada putus asa daripada kurnia Allah melainkan golongan orang-orang yang kafir."

## *Menuju keredaan Allah*

# Bersyukur di atas nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah

ALLAH berfirman di dalam Surah Ibrahim ayat 34 yang bermaksud: *"Dan Ia (Allah) telah memberikan kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu perlukan (berhajat) kepadanya. Dan jika kamu menghitung-hitung nikmat Allah, nescaya lemahlah kamu menentukan bilangan-nya. Tetapi manusia itu zalim (aniaya) tak berterima kasih."*

Kita manusia tiap-tiap hari dan setiap saat bergembira-ria menikmati berbagai-bagai kurnia Allah. Tetapi tidak pernah bersyukur, memuji dan menyembah Allah, tidak pernah menghormati dengan beribadat. Adalah manusia-manusia yang zalim yang aniaya, manusia yang tak pandai berterima kasih lantaran kezalimannya. Inilah Allah sering murka terhadap manusia dengan menurunkan berbagai balá, siksa dan bahaya agar manusia insaf dan sedar.

Allah memberitahu kepada hamba-hamba-Nya yang ingat dan tahu bersyukur dan Allah juga memberi amaran kepada hamba-hamba-Nya yang tidak tahu bersyukur kepada-Nya. Cuba kita perhatikan firman Allah dalam Surah Ibarahim ayat 7 yang berbunyi: *"Dan ingatlah Tuhanmu memberitahu kepadamu: Jika kamu berterima kasih nescaya Aku akan tambah nikmat itu bagimu dan jika kamu kufur (tidak berterima kasih) sesungguhnya azab-Ku amatlah pedih."*

Seluruh anggota lahir kita adalah nikmat-nikmat Allah yang dikurniakan kepada manusia seperti nikmat melihat, mendengar, merasa dan seumpamanya. Di permukaan bumi dan lautan telah banyak nikmat-nikmat Allah yang disediakan untuk manusia semuanya rahmat Allah yang diperlukan oleh manusia sebagai nikmat-Nya jua.

Di samping itu ada lagi nikmat Allah yang paling berharga daripada yang disebutkan itu semua iaitu rahmat yang lebih besar yang dinamakan rahmat sihat jasmani dan rohani, berbagai ilmu pengetahuan dan pelajaran, kekuasaan, kedudukan dan lain-lain.

Kesihatan dan keselamatan itu sesungguhnya tidak dapat dinilai harganya dengan harta benda. Bila kita sering dihidapi penyakit mahu rasanya kita akan sembuh walaupun dengan mengorbankan harta benda, wang ringgit untuk menebus dan membeli sihat itu kembali. Lebih penting lagi kesihatan dan keselamatan rohani. Orang yang sihat jasmaninya, tetapi tidak sihat rohaninya (gila) tentu rasanya hidup itu tidak berguna. Semua orang akan memilih hidup sihat walaupun melarat daripada hidup kaya-raya tetapi berpenyakit. Pendeknya orang yang paling beruntung hidup di dunia ini ialah orang yang sihat dan selamat.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya: *"Siapa yang sihat badannya, senang hatinya (sihat rohaninya) di rumahnya ada makanan buat sehari maka seakan-akan seluruh dunia ini berada dalam genggamannya."*

Oleh itu kesihatan rohani dan jasmani adalah suatu nikmat Allah yang amat besar dikurniakan kepada manusia yang boleh diumpamakan sebagai mahkota hidup. Sementara kesihatan itu belum ditarik Allah sebagai nikmat-Nya, maka gunakanlah hidup yang sihat itu untuk melakukan amal kebajikan sebaik-baiknya dan beribadat kepada Allah secukup-cukupnya tanpa bertangguh-tangguh. Jangan hanya semasa sihat dan senang melupakan nikmat Allah, sudah sakit dan derita berulah akan cuba-cuba mengenal Allah.

# SEMINAR KEFAHAMAN AQIDAH AHLIS-SUNNAH WAL-JAMAAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Seminar Kefahaman Aqidah Ahlis-Sunnah Wal-Jamaah yang bertemakan "Aqidah Ahlis-Sunnah Teraju Penyelamat Ummat" akan di adakan selama beberapa hari mulai 16 September hingga 19 September, 1985 bersempena dengan Pembukaan Rasmi Pusat Dakwah Islamiah. Ianya adalah salah satu acara yang diadakan sempena dengan pembukaan rasmi Pusat tersebut.

Antara lain tujuan ianya diadakan adalah pertama untuk meningkatkan dan menyebarkan kefahaman umat Islam terhadap aqidah Ahli-Sunnah Wal-Jamaah sebagai satu-satunya aliran yang boleh memperkuatkan kedudukan umat Islam dan boleh menyatu-padukan dunia Islam dalam usaha mereka menegakkan Islam dan dakwah Islamiah di arena antarabangsa.

Tujuan yang kedua pula adalah untuk membersihkan ugama Islam dari pengaruh ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng yang memecahkan perpaduan umat Islam.

Antara tajuk-tajuk kertas kerja yang akan dibentangkan dalam seminar tersebut ialah Dasar-dasar Ahli-Sunnah Wal-Jamaah, Perlunya Aqidah Ahlis-Sunnah Wal-Jamaah diperkembangkan dan dipertahankan, Penyelewengan dari dasar aqidah Ahlis-Sunnah pada masa sekarang dan saranan-saranan untuk mengatasinya, aqidah Ahlis-Sunnah Wal-Jamaah dalam pendidikan, aqidah Ahlis-Sunnah Wal-Jamaah dalam pentadbiran negara dan peranan aqidah dalam pendidikan Islam sebagai asas untuk pembangunan umat (Nation Building).

Penulis-penulis kertas kerja tersebut terdiri dari penulis-penulis Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia. Dari Negara Brunei Darusssalam ialah: Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Yang Mulia Ustaz Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin dan Yang Mulia Ustaz Haji Mohd Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim.

Dari Malaysia pula terdiri dari Yang Mulia Prof. Madya Dr. Sulaiman bin Haji Yassin dan Yang Mulia Dr. Mohd Kamal Hassan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Dari Indonesia: Kiyai Haji Mahibuddin Wali.

Peserta-peserta yang akan mengikuti seminar tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Peserta Khas yang terdiri dari Pegawai-pegawai Ugama, Guru Besar Sekolah Ugama, Ketua-ketua Guru Ugama dan Imam-Imam. Peserta Jemputan terdiri dari Ketua-ketua dan Timbalan Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran, Pegawai-pegawai Tadbir dan Pengetua Sekolah Menengah Kerajaan.

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14 Ogos, 1985 hingga ke hari Selasa 20 Ogos, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| *HARI BULAN* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATA-HARI TERBIT* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | |
| Ogos | | | | | | | | | | | | |
| 14–15 | 12.29 | 3.46 | 3.47 | 6.37 | 6.38 | 7.48 | 7.49 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.15 | 6.16 |
| 16–20 | 12.29 | 3.46 | 3.47 | 6.36 | 6.37 | 7.47 | 7.48 | 4.56 | 4.43 | 4.57 | 6.14 | 6.15 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# rtb Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# DIALOG-DIALOG PEMBANGUNAN

SEKARANG sudah kurang dari empat bulan untuk tahun 1985 ini mencacah ke penghujungnya. Sepanjang waktu itulah Radio telah memberikan peluang yang difikirkan cukup untuk para penulis mengisikan sebarang ruangan khusus untuk penyertaan mereka. Dan dalam masa yang sesingkat ini, pihak radio masih mengalu-alukan sumbangan dari penulis-penulis untuk memenuhi ruangan yang disediakan itu bagi sepanjang tahun ini dan kemungkinan (mudah-mudahan sajalah!) corak dan penulisan awda akan berbau lebih dewasa lagi selaras dengan pertukaran tahun yang tidak lama lagi akan kita tempohi.

Telah banyak kali radio minggu ini menyarankan kepada pendengar penulis sekalian yang radio amat mengalu-alukan sebarang sumbangan dari mereka berupa karya-karya asli mereka untuk disiarkan di udara, khususnya ruangan Sandiwara Radio, Cerpen dan Salukan dan rancangan Keluarga Si Awang.

Sebagai sebuah media penting yang dengan sendirinya bertindak sebagai memberi contoh dan teladan, yang mencerminkan keadaan masyarakat dan kerajaan kita, menjadi bahan perbandingan, petunjuk kepada keinsafan dan dan pembekal terhadap pelajaran, pihak radio sudah semestinyalah akan memberikan pertimbangan dan penilaian bagi setiap tulisan awda sebelum diluluskan. Pihak penapis perlulah menyesuaikan lebih dulu untuk siaran sama ada karya awda itu dapat memenuhi kehendak penyiaran kita yang sebenar atau sebaliknya.

Daripada banyak skrip-skrip yang diterima, sudah barang tentunyalah terdapat di antaranya yang terpaksa dikembalikan kepada penulisnya untuk tujuan pembetulan dan memberikan garis pandu ataupun jalan tentang bagaimana untuk menulis cara yang dikehendaki oleh radio. Apakah penulis akan mengambil hati dengan adanya pemulangan skrip itu? Akan lumpuhkah semangat penulis dan akan matikah pena penulis dari terus mencoretkan idea-idea di kertas putih hanya disebabkan oleh teguran dari penapis radio? Walaupun anggapan penulis, tujuan radio masih tidak menyeleweng dari asalnya, iaitulah untuk tujuan memperbaiki dan mengharapkan suatu karya yang dapat diterima oleh masyarakat kita dan lebih-lebih lagi untuk meninggikan taraf kualitinya.

Sejak tahun 1973 lagi, radio telah pun menyiarkan pengisytiharan terhadap kemajuan negara yang baru. Dalam usia sepanjang itu sekarang, tidaklah wajar lagi jika kita menganggapnya sebagai sesuatu yang masih tetap baru, bahkan sekarang usianya sudah mulai meningkat remaja. Dan bagi pihak radio pula yang dari sejak semula jadinya bertugas sebagai jentera penyiaran dan penerangan berpendapat yang arus pembangunan ini kemungkinannya akan lebih berkesan lagi ataupun mudah diterima oleh pendengar jika disalurkan melalui dialog-dialog dalam drama ataupun menjadi bahan tulisan dalam cerpen dan sebagainya.

Dengan adanya dialog-dialog yang berbau kemajuan itu, mudah-mudahanlah akan sedikit sebanyak dapat memutarkan perhatian rakyat dan penduduk negara ini untuk lebih menyedari akan apa yang diperlukan oleh negara dan jika boleh akan terus merubah dan menjadikan perubahan itu sebagai darah daging yang tidak dapat dipisah-pisahkan lagi dengan diri kita.

Inilah di antaranya suara yang sepatutnya lahir dari penulis-penulis yang ingin karyanya dimuatkan dalam rancangan radio. Peluang untuk melahirkan suara-suara hati penulis yang bersemangat itu sentiasa terbuka luas dan boleh disalurkan dalam berbagai bidang untuk siaran radio. Kerana tenaga dan idea baru dari penulis-penulis mungkin akan dapat bertindak sebagai penyambung nadi bangsa dan negara di masa depan.

## PENYAMPAI RANCANGAN KANAK-KANAK

RADIO Televisyen Brunei menghendaki seorang penyampai bagi sebuah rancangan untuk kanak-kanak.

Pemohon-pemohon mestilah di antara 20 hingga 30 tahun dan fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

Keterangan lanjut dan borang permohonan boleh diperolehi dari Pelita Brunei atau berhubung terus kepada:

Penerbit Kuiz Bahasa, Bahagian Kanak-Kanak, Radio Televisyen Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup ialah 15 Ogos, 1985.

## *CERPEN DAN SALUKAN* *"Kau Sinar Hidupku"*

RANCANGAN Cerpen Dan Salukan minggu ini akan memuatkan tulisan MAZILAH dengan tajuk tulisan cerpennya 'KAU SINAR HIDUPKU' yang mana salukannya akan dibuat oleh Haji Leman Ahmad. Rancangan Cerpen Dan Salukan diterbitkan oleh Zainab Haji Mohd Taha.

Siaran hari Jumaat jam 7.00 malam dan ulangannya pula pada hari Sabtu jam 3.30 petang.



## TETAMU RADIO

TETAMU undangan minggu ini merupakan penyanyi remaja dari Indonesia ADI BING SLAMET (gambar kiri). Ikutilah temubual Hanafiah Ali bersama beliau pada hari Ahad 18 Ogos jam 4.30 petang. Ulangannya ke udara hari Rabu jam 2.00 petang.

## *Sandiwara Radio:* *"DI PENGHUJUNG DUKA"*

PENULIS Rubiah Dullah dari Kota Kinabalu Sabah, mengemukakan skripnya yang berjudul "DI PENGHUJUNG DUKA" untuk siaran Sandiwara Radio Minggu Ini.

Watak Hidayah sebagai saudara tertua kepada Haryatie sangat merasa bertanggungjawab terhadap adiknya itu, bukan saja disebabkan kepentingan masa depan Haryatie sendiri tapi juga demi untuk membantu tugas ayahnya untuk melihat anak-anaknya berjaya. Sikap Haryatie yang degil dan tidak mengindahkan pelajarannya cukup merunsingkan fikirannya dan ayah mereka.

Perhatian Haryatie terhadap pelajaran merosot sama sekali. Pergaulannya dengan Azmil telah menjadi salah satu dari puncanya. Secara kebetulan pula, Azmil adalah bekas kekasih Hidayah tiga tahun lalu sebelum Azmil berangkat keluar negeri melanjutkan pelajarannya.

Hidayah pada mulanya enggan mengakui pernah mengenali Azmil. Bagaimanapun, lama-kelamaan ia terpaksa juga berbaik-baik dengannya memandangkan keselamatan adiknya. Oleh kerana nasihatnya dan ayahnya tidak diterima oleh Haryatie, Hidayah cuba minta bantuan Azmil untuk megubah pendirian Haryatie agar lebih menumpukan perhatiannya terhadap pelajaran.

Dalam diam-diam rupa-rupanya Azmil menyembunyikan sesuatu dari pengetahuan Hidayah dan Haryatie. Ia menanggung sejenis penyakit yang merbahaya. Sementara itu pula, ayah Hidayah juga telah diserang penyakit jantung.

Setelah Azmil ditahan di rumah sakit, barulah ia mengetahui dari penjelasan doktoor tentang penyakit yang ditanggung oleh Azmil. Dalam perjalanannya pulang pula ada sesuatu yang mengejutkan telah terjadi kepada Hidayah.

Bagaimanakah kisah selanjutnya? Dapatkah Azmil diselamatkan? Apa pula yang dialami oleh Hidayah itu? Silalah awda ikuti siarannya pada 18 Ogos, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Helen Thu.

## Mari Memasak:

# *Bagedil Udang Basah*

BAHAN-BAHANNYA :—

1 mangkuk udang cincang
2 kati ubi kentang rebus
2 bungkus serbuk roti
5 biji bawang besar
10 biji bawang putih
1 ikat daun sadri
1 ikat daun bawang
10 biji lada hidup merah
½ mangkuk tepung jagung
1 sudu lada putih
6 biji telur ayam
sedikit garam dan serbuk perasa, minyak untuk menggoreng.

UNTUK KUAHNYA :—

1 cawan lada kisar
1 cawan tomato sos
1 cawan gula pasir
½ cawan cuka makan
1 cawan kacang tanah kisar
3 biji buah tomato
1 biji timun, untuk ulam
sedikit garam, bawang putih dan bawang merah.

CARA-CARA MEMBUATNYA :—

Udang hidup dicampurkan dengan kentang yang sudah dilicik kasar, gaulkan lagi bersama dengan bawang putih, bawang merah, daun bawang, lada hidup, serbuk perasa dan garam. Sesudah itu campurkan lagi dengan tepung jagung, gaulkan lagi. Panaskan minyak penggoreng. Pukul telur jangan sampai kembang, bulatkan adunan dengan sudu celupkan ke dalam telur dan golekkan ke dalam serbuk roti lalu goreng satu-satu sehingga kuning dan masak.

UNTUK KUAHNYA :—

Ambil sedikit minyak bekas penggoreng tumiskan bawang-bawang, sesudah wangi masukkan lada kisar, tomato sos, garam, gula serta cuka, masaklah sehingga pekat. Kalau hendakkan kuahnya banyak masukkan sedikit air. Bila masak siramkan di atas bagedil yang sudah masak aturkan dalam piring dengan ulam-ulamnya sekali.

## Dari Pendengar Untuk Pendengar

PESERTA yang mengisikan rancangan dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dayang Aliza Abdul Rahman yang beralamat No. 63 Kampong Kota Batu, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Siarannya seperti biasa hari Selasa iaitu pada 20 Ogos, 1985 jam 4.00 petang.

# KEBAWAH D.Y.M.M. I
# MENEMUI RAK

MINGGU pertama bulan ini adalah hari-hari bertuah bagi rakyat dan penduduk di ketiga-tiga daerah, Temburong, Tutong dan Belait di mana mereka berkesempatan berpandang wajah dan berbual mesra dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Raja dan ketua negara yang kita kasihi.

Pertemuan dengan Baginda merupakan saat yang ditunggu-tunggu dan peluang yang sangat berharga. Ini jelas kelihatan dari sambutan yang Baginda terima di setiap lawatan dan jamuan teh yang Baginda kurniakan sempena Ulang Tahun Keputeraan Baginda ke-39 tahun.

Di setiap kunjungan itu, Baginda tidak lupa meluangkan masa meninjau projek pembangunan yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Baginda serta pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan di daerah-daerah berkenaan.

Bidang pelajaran juga mendapat perhatian berat daripada Baginda. Melalui keberangkatan Baginda ke sekolah dan maktab tersebut ianya menampakkan satu minat dan sudah setentunya menjadi dorongan kepada penuntut-penuntut serta guru-guru untuk meningkatkan tahap pembelajaran di negara ini.

Dalam ruangan ini disiarkan gambar-gambar di sekitar keberangkatan Baginda ke Daerah Temburong pada hari Isnin, 5 Ogos dan Daerah Tutong pada hari Selasa, 6 Ogos.

## DI DAERAH TEMBURONG









KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Ya
Darussalam mendengar penerangan dari seorang wakil dari pihak pemborong mengenai struktur bangunan pejabat-p
burong yang baru, selepas Baginda menyempurnakan perletakan batu asas bangunan tersebut.

KEBERANGKATAN Baginda ke Daerah Temburong dialu-alukan oleh Pegawai-pegawai Kerajaan, Ketua-ketua Kampung serta Ketua-ketua Rumah Panjang seperti kelihatan dalam gambar kiri.

SALAH satu acara yang disembahkan sempena keberangkatan Baginda ke Daerah Temburong ialah cara-cara membuat amping. Gambar kiri kelihatan Baginda memerhatikan seorang wanita 'menguar' padi sebelum ditumbuk menjadi amping.

PENUNTUT-penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan menunjukan satu demonstrasi sains ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan Baginda ke sekolah berkenaan (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima penjelasan mengenai bangunan rumah sakit baru dari seorang wakil pemborong projek tersebut (bawah kiri).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima penerangan ketika Baginda berangkat ke Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pekan Bangar (atas). Gambar kanan kelihatan Baginda menerima sebuah cenderamata kenangan persembahan dari Syarikat Sri Miyama Engineering Corporation Sdn. Berhad, pemborong yang mengendalikan pembinaan kompleks bangunan pejabat-pejabat Kerajaan Temburong yang disembahkan oleh Pengurus Umum Syarikat itu, Pg. Haji Abas bin Pg. Haji Besar.

# GKAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan melawat Pejabat Daerah Tutong. Juga kelihatan ialah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pg. Bahrin bin Pg. Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd Aziz bin Mohammad.



DALAM keberangkatan Baginda ke Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Baginda sempat menyaksikan bagaimana cara mengisi borang membuat Kad Pengenalan.

# DI DAERAH TUTONG



GAMBAR atas kelihatan sebahagian dari kira-kira 5,000 orang peserta yang terlibat dalam sambutan Hari Keputeraan Baginda di Daerah Tutong kelihatan junjung zierah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.



SEBAGAI seorang raja dan pemimpin yang dikasihi rakyat, Baginda sentiasa mengambil berat tentang kesihatan rakyat. Kelihatan dalam gambar atas ketika Baginda berkenan berangkat melawat wad lelaki di Rumah Sakit Daerah Tutong. Sementara gambar bawah pula Baginda dijunjung bagi menandatangani Buku Lawatan di Sekolah Menengah Inggeris Sufri Bolkiah.



SEMASA keberangkatan Baginda ke Daerah Tutong itu, Baginda juga telah berangkat melawat Pejabat Hal Ehwal Ugama (kanan) dan Jabatan Pos yang baru (kanan bawah).

r-gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO, Ak Bahar PHO, Pengiran Haji Yaakub dan Harun Rashid.







# JIKA AWDA SUKA MENGEMBARA



# Berkhidmatlah sebagai Pramugara/ Pramugari dengan Diraja Brunei

**KELAYAKAN**

a) Awda mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

b) Berumur di antara 18 hingga 27 tahun.

c) Kelulusan pelajaran sehingga tingkatan 5.

d) Mempunyai perwatakan yang baik, peribadi yang baik dan sekurang-kurangannya setinggi 5' 2".

e) Mempunyai kesihatan dan penglihatan yang baik.

f) Boleh bertutur bahasa Melayu dan Inggeris berkebolehan bertutur dalam bahasa lain juga berfaedah.

**FAEDAH-FAEDAHNYA**

Setelah tamat latihan intensif, awda akan menerima pendapatan sehingga $1,000 sebulan. Awda akan mendapat cuti 18 hari (hari berkerja) setahun dengan tiket percuma ke destinasi-destinasi Diraja Brunei dan tambang istimewa bila-bila masa dengan Diraja Brunei dan juga syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

Mereka yang berminat dalam kerjaya ini bolehlah datang untuk ditemuduga oleh pegawai pengambilan pada hari dan tempat di bawah ini :

A) Dewan Kuliah, Bangunan Peringatan Churchill, Bandar Seri Begawan pada 23 Ogos, 1985 di antara pukul 8.30 pagi - 12.00 tengahhari dan 1.30 petang - 4.30 petang.

B) Pejabat Penerbangan Diraja Brunei Bangunan Hongkong & Shanghai Bank Chamber, Kuala Belait pada 26 Ogos, 1985 di antara pukul 9.00 pagi - 12.00 tengahhari dan 1.30 petang - 4.30 petang.

Untuk keterangan lanjut awda bolehlah berhubung dengan Penerbangan Diraja Brunei pada waktu masa bekerja melalui telefon 02-32531 sambungan 512 atau 513.

**PERHATIAN** : Mereka yang telah datang pada pengambilan yang lalu tidak perlu menghadiri lagi.

**Royal Brunei**

# TENTERA DARAT

**ADALAH UNIT YANG TERBESAR DI DALAM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI. DARIPADA JURUSAN-JURUSAN KERJAYA TENTERA BERJALAN KAKI, SKN. KERETA PERISAI, SKN. JURUTERA TEMPUR BATERI PERTAHANAN UDARA, DEPOH LOJISTIK, SKN. SEMBOYAN DAN WOKSYOP ABDB.**

***BERKHIDMATLAH DENGAN MENDAFTAR BERAMAI-RAMAI BAGI MENJAMIN KEAMANAN NEGARA.***

# TENTERA LAUT

**ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI ADALAH KERJAYA YANG MEMBERI MASA DEPAN TERJAMIN**




**KERJAYA TENTERA LAUT.** Selain latihan-latihan di dalam negeri, latihan-latihan di luar negeri dan peluang-peluang membuat lawatan ke Tentera Laut Negara-Negara Asean pada tiap-tiap tahun.

Dari itu mendaftarlah dan berkhidmatlah di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Pengambilan ke-67 sedang dijalankan mulai Mei hingga September 1985.

Jikalau Awang-Awang berumur $17\frac{1}{2}$ tahun ke-25 tahun, darjah 6 kelulusan sekolah, berat badan 105 paun. Hantarlah borang ini sekarang kepada :

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nama :........................................................................
..................................................................................
No. Kad Pengenalan : ........................ Warna : ..........................
Tarikh Lahir : .............................................. Umur : ..................
Alamat : ..................................................................................
..................................................................................
Kelulusan : .................................................... No. Telefon : ...........
Tandatangan : ............................................ Tarikh : ......................



**KERJAYA TENTERA BERJALAN KAKI (TENTERA DARAT).** Selain latihan-latihan asas tentera di dalam negeri, peluang-peluang latihan di luar negeri, seperti di United Kingdom, Singapura, Hong Kong dan Australia. Dari itu mendaftarlah sekarang, pengambilan ke-67 sedang dijalankan mulai Mei hingga September 1985.

Awang-Awang berumur antara $17\frac{1}{2}$ ke-25 tahun, kelulusan darjah 6 Melayu, berat badan 106 paun. Hantarlah borang ini ,ataupun bertemuduga dengan Pegawai-Pegawai Pengambilan di keempat-empat daerah Dewan Bandaran / dan penerangan atau alamatkan kepada :

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Nama :........................................................................
..................................................................................
No. Kad Pengenalan : ........................ Warna : ..........................
Tarikh Lahir : .............................................. Umur : ..................
Alamat : ..................................................................................
..................................................................................
..................................................................................
Kelulusan : .................................................... No. Telefon : ...........
Tandatangan : ............................................ Tarikh : ......................

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 282 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD419/3501
CADANGAN PUSAT DAKWAH ISLAMIAH BAGI JABATAN HAL EHWAL UGAMA DI JALAN ANGGEREK DESA, PERINGKAT III, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 283 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A & B" untuk:

PROJEK No. AD411/0701
CADANGAN IBU PEJABAT DAERAH TELEKOM, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PEMASANGAN ELEKTRIK DAN SISTEM PENGAWAL API).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 26 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 284 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No: 85AB/PEL007
MEMBINA DEWAN SERBAGUNA, BLOK DAPUR DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PANGLIMA BADARUDDIN LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 285 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 5 BLOK 5 TINGKAT RUMAH PANGSA KELAS 'G' 2 UNIT PERUMAHAN KELAS 'C', 2 UNIT PERUMAHAN KELAS 'E', 3 UNIT PERUMAHAN KELAS 'A', 3 UNIT PERUMAHAN KELAS 'B', 1 BLOK STADIUM DAN 1 BLOK KANTIN BERTEMPAT DI KAWASAN IBU PEJABAT POLIS GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 286 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.. 85AB/PEL071
PEMBINAAN 2 UNIT/SATU BLOK PERUMAHAN KELAS 'F' UNTUK GURU KEKAL DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN AMO, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 287 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 85AR/LBB004
CADANGAN RUMAH PANJANG STANDARD UNTUK PEJABAT BANDARAN DI SUNGAI KEDAYAN BATU 2, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 288 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang mahir untuk.

PROJEK No.: AD421/0607
SUB-KONTRAK BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG PANEL TULISAN ARAB UNTUK MASJID DI KAMPONG SUNGAI KEBUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 289 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL040
PEMBINAAN BLOK TANDAS BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN BAKIAU, KAMPONG LAMUNIN, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 290 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
CADANGAN UNTUK MEMASANG PENAHAN AIR BAGI PERMUKAAN ATAP KONKRIT DI BANGUNAN JABATAN BANDARAN, JALAN SULTAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 291 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA POS POLIS DI PUTAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 292 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PWD No. 380, 381, G1 DAN G2, BARIK POLIS SENGKURONG, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 293 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' dan 'B' (pemasang hawa dingin) untuk:

PROJEK No.: AD426/2801
PASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN PERKHIDMATAN PENERIMAAN PERUBATAN DAN PUSAT KEMUDAHAN PERGIGIAN DI PERKHEMAHAN PENANJONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $200.00 (lukisan).

### BIL: JKR 294 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" (Pemasang Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD426/1901
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN BANGUNAN PENGAWAL DAN BALAI BOMBA DI PENANJONG CANTONMENT UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 295 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang mahir sahaja untuk:

PROJEK No.: AD426/3601
PAMASANGAN PENGAWAL API BAGI CADANGAN TAMBAHAN BENGKEL RAPIER, KAWASAN PENYIMPANAN SHELL DUCK LOJISTIK, DI PENANJONG UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 296 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' dan 'B' (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD426/3601
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN TAMBAHAN BENGKEL RAPIER, KAWASAN PENYIMPANAN SHELL DUCK LOJISTIK, DI PENANJONG UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 297 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: 424/1601
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN GELANGGANG SQUASH KEMBAR, DI PERKHEMAHAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 299 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/12000
MENGUBAHSUAI TANDAS, SINK, DAPUR DAN BILIK MAKAN DI STESEN BALAI BOMBA, BATU ½, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 301 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL099
PEMBINAAN PADANG PERMAINAN DAN PARIT KONKRIT TETULANG BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke salah sebuah kelas di SMAT. Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

# KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT TIGA BUAH SEKOLAH MENENGAH

KUALA BELAIT. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan berangkat mengunjungi tiga buah Sekolah Menengah di Daerah Belait di sini sabtu lepas sebagai salah satu acara keberangkatan Baginda ke daerah tersebut.

Sekolah-sekolah menengah tersebut ialah Sekolah Menengah Ahmad Tajuddin, Sekolah Menengah Perdana Wazir, dan Maktab Anthony Abell di Seria.

Sekolah Menengah Ahmad Tajuddin yang mempunyai sejumlah 286 orang penuntut adalah merupakan sekolah yang pertama Baginda lawati. Keberangkatan tiba Baginda telah dijunjung oleh Pengetua SMAT Awang Muhammed bin Hamid.

SMAT mempunyai 12 buah kelas yang terdiri daripada tingkatan satu hingga lima. Seramai 34 orang guru mengajar di sekolah tersebut dan sebanyak 11 mata pelajaran termasuk pelajaran pertukangan kayu dan urusan rumah tangga diajarkan di sini.

Kemudian Baginda berangkat mengunjungi Sekolah Menengah Perdana Wazir. Keberangkatan tiba Baginda ke sekolah itu dijunjung oleh Pengetua Awang Ismi bin Ahmit.

Dari Kuala Belait Baginda seterusnya berkenan berangkat ke Pekan Seria bagi meneruskan lawatan ke Maktab Anthony Abell di Seria. Keberangkatan tiba Baginda di sini telah dijunjung oleh Pengetua AAC Awang Abdul Rahman bin Razali.

Sepanjang keberangkatan Baginda ke tiga buah sekolah menengah tersebut Baginda berkesempatan meninjau perkembangan pelajaran sekolah-sekolah itu dan mengetahui lebih dekat pencapaian penuntut-penuntut di bidang pelajaran.

## Keberangkatan Kebawah DYMM ke Daerah Tutong

Dari muka 1

Bangunan Pejabat Pos Tutong yang berperanan sebagai penghubung dalam berbagai urusan kerajaan atau orang ramai dalam surat menyurat dan sebagainya telah berkenan dilawati oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang mengiringi Baginda yang terletak berdekatan dengan bangunan Pejabat Daerah yang mempunyai keluasan kira-kira satu ekar.

Keberangkatan Baginda di sana, telah dijunjung oleh Ketua Pos Agung Negara Brunei Darussalam Awang Haji Suni bin Haji Idris seterusnya Baginda dipersembahkan penerangan ringkas berkenaan perjalanan pejabat tersebut dari pegawai yang bertugas bagi Pejabat Pos cawangan Daerah Tutong itu.

Bagi mengetahui perkembangan ugama Islam di daerah tersebut, Baginda Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempat bercemar duli berangkat melawat Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong.

Di sana Baginda telah dijunjung oleh Kadi Daerah Tutong Awang Haji Adam bin Haji Ahmad dan seterusnya diperkenalkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di jabatan tersebut. Di samping disembahkan penerangan ringkas berkenaan dengan perkembangan ugama Islam di daerah itu, Baginda juga telah sempat menandatangani buku lawatan.

Salah sebuah lagi pejabat perhubungan yang sempat Baginda lawati dalam keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ke Daerah Tutong pada hari itu ialah Pejabat Telekom.

Di pejabat tersebut Baginda Yang Dipertuan telah dijunjung bagi menyaksikan cara-cara pengendalian alat-alat perhubungan yang sofistikated yang sekian lama memberi kemudahan perhubungan kepada penduduk-penduduk di daerah tersebut untuk berhubung dengan lebih cepat.

Lawatan Baginda seterusnya ialah ke Sekolah Menengah Inggeris Sufri Bolkiah, yang telah dirasmikan pembukaanya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah kira-kira lima belas tahun lalu.

Keberangkatan Baginda di sana, Baginda telah dijunjung oleh Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Inggeris Sufri Bolkiah, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Pelajaran dan guru-guru yang bertugas di sekolah tersebut.

Sebelum memulakan lawatan ke beberapa bahagian sekolah tersebut, Baginda terlebih dahulu disembahkan satu taklimat ringkas berkenaan susunan pentadbiran dan kemajuan yang telah dicapai oleh sekolah itu dan seterusnya menandatangani buku lawatan.

Kemudiannya, Baginda telah dijunjung melawat beberapa buah bilik darjah, bilik perpustakaan, makmal sains dan beberapa buah bilik lukisan.

Setelah berkenan meluangkan masa melawat dan mengikuti secara ringkas akan perkembangan pelajaran di Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Baginda seterusnya dijunjung berangkat bagi melawat Rumah Sakit Daerah Tutong.

Seperti juga di Daerah Temburong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan jamuan kepada kira-kira 5,000 orang rakyat dan penduduk di daerah tersebut yang terdiri dari ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perayaan dan para peserta yang sama-sama meraikan sambutan perayaan puja usia Baginda yang ke-39 tahun.

Di Majlis Jamuan tersebut Baginda telah dijunjung ziarah oleh rakyat dan penduduk daerah tersebut yang mana satu kesempatan yang jarang diperolehi oleh penduduk-penduduk di daerah tersebut bagi beramah mesra dengan Baginda dengan lebih dekat.

## Ucapan tahniah

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Dr Yeoh Ghim Seng, Pemangku Presiden dan Tuan Yang Terutama Mr Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Republik Singapura bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Singapura pada 9 Ogos, 1985.**

## Hubungan Brunei — S'pura semakin rapat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan S.Dhanabalan, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Republik Singapura sempena Hari Kebangsaan Republik tersebut pada 9 Ogos 1985 yang lalu.

Dalam ucapan tahniahnya Duli Yang Teramat Mulia melahirkan rasa puas hati mengenai hubungan berbaik-baik dan kerjasama yang rapat di antara kedua-dua Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia penuh yakin hubungan yang rapat dan persefahaman di antara kedua-dua buah negara itu akan terus wujud di masa-masa yang akan datang.

Negara Brunei Darussalam, sabda Duli Yang Teramat Mulia merasa kagum tentang kejayaan yang dicapai oleh Republik Singapura di sepanjang 20 tahun lalu.

"Brunei Darussalam berharap agar Singapura akan terus-menerus mencapai kemajuan dan kemakmuran bagi kesejahteraan rakyatnya dan seterusnya dapat memberi sumbangan kedamaian dan kemakmuran di rantau ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan juga rakyat Republik Singapura sempena Hari Kebangsaan ke-20 Republik tersebut.

## Jualan amal di Pesta Pantai 18 Ogos ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tabung Orang-Orang Islam Pelarian Afghanistan, Palestin dan Mangsa Kebuluran kini telah mengumpul sejumlah $25,000.00 hasil dari kutipan orang ramai di seluruh negara.

Di samping itu, jawatankuasa berkenaan juga telah menjayakan beberapa rancangan bagi menambah kutipan di Daerah Belait misalnya satu jualan amal telah dijalankan semasa Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Padang Kecil Kuala Belait. Sebanyak $2,000 telah dapat dihasilkan.

Jawatankuasa tersebut telah menempatkan kotak-kotak tabung di beberapa buah masjid bagi para jemaah yang ingin menderma dan kotak-kotak serupa ini dirancangkan untuk diletakkan di beberapa buah tempat yang selalu dikunjungi umum.

Satu jualan amal akan diadakan di Pesta Pantai sempena sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertempat di Pantai Lumut pada hari Ahad 18 Ogos depan. Orang ramai adalah dipohonkan untuk bersama-sama menjayakan jualan itu.

## Bangunan baru Jabatan K'jaan Daerah Belait

Dari muka 1

Baginda. Sebanyak 70 keping gambar telah dipamerkan.

Dari Dewan Raya Pejabat Daerah, Baginda meneruskan lawatan dengan menyaksikan pameran pelbagai projek pembangunan Daerah Belait di samping mendengar taklimat yang dipersembahkan oleh Jurutera Kanan JKR Belait, Michael Ng.

Jabatan Penerangan, salah sebuah daripada sembilan buah jabatan yang ditempatkan di bangunan baru tersebut juga telah mempamerkan beberapa buah buku terbitannya. Keberangkatan tiba Baginda ke Bilik Taklimat jabatan itu telah dijunjung oleh Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dan seterusnya mempersembahkan taklimat ringkas mengenai perkembangan Jabatan Penerangan.

Projek pembinaan bangunan baru jabatan-jabatan kerajaan Daerah Belait menelan belanja sejumlah $8.75 juta dan pembinaannya adalah termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-4 (1980-1984).

Bangunan tersebut berbentuk tradisi Melayu dan terletak antara Jalan Carey dan Jalan Sultan. Antara kemudahan yang terdapat di dalamnya ialah sebuah dewan serbaguna yang boleh menampung seramai 400 orang, sebuah bilik taklimat bagi 100 orang, dua buah bilik mesyuarat untuk 40 orang dan sebuah bilik pameran.

## 7,000 hadiri majlis jamuan

Dari muka 1

dibacakan oleh Kadi Daerah, Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Kemudian Baginda berangkat melawat jabatan-jabatan yang terdapat dalam bangunan tersebut. Sebanyak sembilan buah jabatan terdapat di situ dan projek pembinaannya menelan belanja sebanyak $8.75 juta.

Selain melawat dan merasmikan bangunan baru jabatan-jabatan kerajaan Baginda juga berkenaan berangkat melawat tiga buah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Ahmad Tajuddin, Sekolah Menengah Perdana Wazir dan Maktab Anthony Abell di Seria.

### JAMUAN

Manakala di sebelah petangnya pula Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mengurniakan jamuan kepada kira-kira 7,000 orang rakyat dan penduduk daerah tersebut termasuk penuntut-penuntut sekolah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Sambutan Hari Puja Usia Baginda ke-39.

Dalam majlis tersebut Baginda juga berkenan menerima junjung ziarah daripada rakyat dan penduduk yang menghadiri majlis tersebut, sementara doa selamat dibacakan oleh Kadi Daerah Belait Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.